

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI**  
**[KUALA LANGAT]**  
**TARIKH : 23 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi [ Kuala Langat ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- a. status penggunaan perkhidmatan kenderaan awam berbanding kenderaan persendirian dan apakah pencapaian Malaysia sehingga kini; dan
- b. apakah ada perancangan untuk penyambungan LRT3 yang berakhir di Johan Setia ke destinasi seterusnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pemulihan jumlah pengguna pengangkutan awam pasca-pandemik telah menunjukkan trend yang memberangsangkan. Jumlah penumpang rel di Lembah Klang termasuk laluan MRT Kajang dan Putrajaya, laluan LRT Ampang dan Kelana Jaya dan laluan Monorail bagi bulan Januari 2023 sehingga Oktober 2023 telah mencatat 192.5 juta pengguna, melebihi jumlah pengguna untuk keseluruhan tahun 2022 yang mencatatkan 159.3 juta pengguna.

3. Perkhidmatan bas yang dikendali oleh Prasarana Malaysia Berhad pula telah mencatatkan penumpang sebanyak 65 juta untuk 10 bulan pertama tahun 2023, melebihi penumpang pada tahun 2022 yang mencatat 59 juta pengguna. Ini merangkumi perkhidmatan RapidKL, Bas Pengantara MRT, BRT Sunway, RapidPenang dan RapidKuantan.

4. Bagi kenderaan persendirian, sehingga tahun 2022, terdapat sebanyak 736,783 pendaftaran baharu motokar dan 718,416 pendaftaran baharu motosikal. Jika dibandingkan dengan tahun 2021, peratusan peningkatan pendaftaran baharu ialah 40.5% (524,258) untuk motokar dan 16.9% (614,648) untuk motosikal. Peningkatan pendaftaran kenderaan baharu adalah serentak dengan pengecualian cukai jualan ke atas kenderaan penumpang yang berakhir pada 30 Jun 2022. Pengecualian cukai itu digunapakai ke atas kenderaan yang ditempah pada atau sebelum 30 Jun 2022 dan didaftarkan pada atau sebelum 31 Mac 2023.

5. Berkenaan cadangan penyambungan jajaran LRT3 pula, pada masa ini, Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menyambung jajaran tersebut yang berakhir di Johan Setia. Kerajaan akan terus mempromosikan pengangkutan awam termasuk LRT3 sebagai mod pilihan utama rakyat bagi mengoptimumkan penggunaan infrastruktur sedia ada.

Sekian, terima kasih.